## Karyawan muzik, usahawan 'blockchain' cemerlang dalam senarai belia Forbes Asia

## HARYANI ISMAIL haryani@sph.com.sg

Dua belia Singapura - penyanyi dan penggubah lagu, Shazza, dan usahawan blok rantai, Encik Fathurrahman Faizal berjaya disertakan dalam senarai berprestij belia berwawasan dalam era Kecerdasan Buatan (Al), 30 Under 30 Asia (Class of 2025), yang dipilih majalah perniagaan Amerika, Forbes.

Shazza, 23 tahun, atau nama sebenarnya, Shareefa Aminah Abdul Shariff, dan Encik Fathurrahman, 25 tahun, adalah antara 300 usahawan, pemimpin dan anak seni inovatif muda merentasi rantau Asia Pasifik, di bawah usia 30 tahun,

yang dipilih dalam kategori Hiburan dan Sukan serta Kewangan dan Modal Teroka.

Turut disenaraikan adalah belia cemerlang lain bagi mewakili pelbagai sektor, AI; Teknologi Pelanggan dan Perusahaan; Jagaan Kesihatan dan Sains; Perusahaan, Pengeluaran dan Tenaga; Runcit dan E-Dagang; Impak Sosial; Media Sosial, Pemasaran dan Pengiklanan, serta Kesenian (Seni dan Gaya, Makanan dan Minuman).

Pengarah Editorial, Forbes Asia dan Editor 'Forbes 30 Under 30', Cik Rana Wehbe Watson, berkata pihaknya menaikan sedekad bakat luar biasa dan inovasi dengan mengetengahkan generasi baru usahawan dan pemimpin muda yang



Penyanyi dan penggubah lagu, Shazza, kini disertakan dalam senarai berprestij belia berwawasan majalah perniagaan Amerika, Forbes, '*30 Under 30 Asia* (Class of 2025)'. – Foto fail

menunjukkan daya bingkas dan kreativiti dalam mereka bertarung dalam keadaan dunia perniagaan yang lebih sukar dan sengit.

Ketika dihubungi *Berita Harian* (BH), Shazza, yang pernah meraih Anugerah Jauhari Harapan 2023 yang disampaikan BH kerana kejayaannya di peringkat antarabangsa, di mana wajahnya terpampang dalam Kempen Kesaksamaan Jantina, *Equal*, bagi wadah pen-



Usahawan muda, Encik Fathurrahman Faizal antara belia cemerlang dalam senarai Forbes, '30 Under 30 Asia'. – Foto FORBES

striman Spotify, di papan iklan Times Square, New York City, berkata:

"Saya terharu dan bersyukur disertakan dalam senarai individu cemerlang Asia tahun ini. "Saya tidak berbohong apabila saya

katakan pencapaian ini adalah satu kejutan manis buat saya, tidak diduga tetapi amat dialu-alukan. "Saya rasa lebih terdorong untuk te-

rus menggalak diri saya agar maju dalam kerjaya seni yang saya pilih kerana nyala rasa yang dimiliki untuk hasilkan yang terbaik bagi setiap kerja seni saya.

"Pencapaian peribadi saya pada 2024 dan 2025 sejauh ini adalah keupayaan untuk kembali menghasilkan muzik secara konsisten.

"Pada akhirnya, bidang muzik ini adalah cabang di mana saya mampu kecapi kejayaan dan menjadi diri saya sendiri, walaupun tahun lalu (2024) adalah tempoh yang sangat sibuk tetapi berupaya memberi semangat baru untuk saya mencari diri saya semula dalam ketukangan seni saya."

Shazza, anak kedua dalam tiga beradik, kini tidak sabar menanti kelahiran album keduanya pada Jun, dengan dirinya turut merancang konsert kedua pada penghujung 2025.

Encik Fathurrahman, pengasas bersama Ranger Labs, sebuah syarikat yang mengendalikan platform dagangan berbilang aset dengan menggunakan teknologi blok rantai Solana, pula mencatat kejayaan apabila syarikatnya berjaya mengumpulkan modal sebanyak AS\$1.9 juta (\$2.5 juta) daripada pelabur dalam sesi pembiayaan yang dipimpin firma

modal teroka, RockawayX, bagi membangun produk baru berasaskan AI. Semasa masih bergelar mahasiswa

Universiti Pengurusan Singapura (SMU),

ersa-Beliau menjelaskan Ranger Labs sedang membangun pengagregat aset digital, yang memiliki konsep seperti Skyscanner, yang membantu pengguna mencari harga penerbangan terbaik daripada

pelbagai syarikat penerbangan. "Platform kami membolehkan pengguna mendapatkan harga terbaik untuk

beliau turut mengasaskan SolanaFM -

sebuah laman penjejak blok rantai -

yang kemudian diambil alih oleh Jupiter Exchange, sebuah platform dagangan

mata wang kripto, pada September

rahman, anak sulung empat beradik, ber-

satu batu loncatan kepada perkara-per-

mungkin berada di landasan yang betul,

bukan sahaja dalam membangunkan

syarikat, tetapi juga dalam membentuk diri sebagai individu yang dapat menyumbang kembali kepada masyarakat,

khususnya masyarakat Singapura."

Ketika dihubungi BH, Encik Fathur-

"Bagi saya, pencapaian ini hanyalah

"Ia menunjukkan bahawa saya

2024.

kata:

kara lebih besar.

aset digital dengan mengumpulkan data daripada pelbagai sumber, sekali gus memudahkan proses pembelian," ujarnya.-LAPORAN TAMBAHAN BATRISYIA KAMAL BAHARIN